

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 AUGUST 2016

Saya keliru tindakan Dr Mahathir: Annuar

RH- 20/8/2016

➔ Bekas PM
ajar ahli
pertahan parti,
kini bertindak
sebaliknya

Oleh Suzalina Halid dan
Nor Farhani Che Ad
bhnews@bh.com.my

✦ Baling

UMNO mengalami perpecahan sedikit demi sedikit ketika diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad hingga beberapa negeri yang dikuasai Barisan Nasional (BN) tergedai, kata Ketua Penera-

ngan UMNO, Tan Sri Annuar Musa.

Sambil melahirkan rasa kecewa dengan tindak-tanduk bekas Perdana Menteri yang kini menyerang UMNO, beliau berkata, Dr Mahathir tidak mengambil kira kesan apabila membuat sesuatu tindakan atau keputusan sepanjang memegang kuasa bagi tempoh yang begitu lama.

Hilang tiga negeri

“Kita pertahankan beliau sehingga hilang tiga negeri. Ketika beliau menolak Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, kita kalah di Kelantan, disusuli pertelingkahan beliau dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyebabkan Selangor jatuh ke tangan PKR.

“Kita hilang Pulau Pinang sewaktu Tun Abdullah Ahmad

Badawi jadi Perdana Menteri apabila Dr Mahathir ganyang Pak Lah. Mujur pemerintahan negara belum jatuh ke tangan pembangkang kerana masih ada ahli UMNO yang mempertahankan parti,” katanya merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Baling, semalam.

Annuar berkata, Dr Mahathir selama ini mengajar ahli mempertahankan parti tetapi kini bertindak sebaliknya, bercanggah dengan perjuangan yang diajar.

“Jika anda (ahli UMNO) terkeliru dengan tindakan beliau, saya lebih keliru dan sedih kerana saya pernah mempertahankan beliau berpuluh tahun. Hari ini saya sendiri tidak tahu apa yang sebenarnya beliau lakukan,” katanya.

Di Kubang Pasu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang juga

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata pengaruh ‘langau’ di dalam dan luar parti yang ingin melihat ahli berpecah-belah, boleh menyebabkan UMNO tersungkur.

Pertahankan benteng

“Jangan terpengaruh orang nak pecah-belahkan kita. Ingatlah sekali kita kalah, kita tak akan dapat bangun lagi, maka peliharalah benteng pertahanan yang kita sudah kekalkan selama 59 tahun memerintah negara,” katanya ketika merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu.

Beliau berkata, asas penubuhan UMNO amat kuat untuk menyatukan bangsa Melayu dan bukan dibentuk berasaskan rasa tidak puas hati atau kekecewaan.